



MEMO ANTARA BAHAGIAN
BAHAGIAN PENGURUSAN
HOSPITAL SULTANAH AMINAH, JOHOR BAHRU

No.telefon : 07-2257000 sam. 2907/2925/2921/2943

No.Faks : 07-2257119

Ruj.Fail	HSAJB/98J/3.2/KEW/400-148 (6)	Tarikh	27 APRIL 2017
Kepada	KETUA JABATAN / UNIT / WAD	Salinan kepada : <ul style="list-style-type: none">• TPH (Pengurusan)• TPH (Perubatan)• TPH (Pembedahan)• Akauntan	
Daripada	PENGARAH HOSPITAL		
Perkara	PEMAKLUMAN PELAKSANAAN <i>TAGGING</i> BAGI PEGAWAI PERUBATAN (MO) BARU MELAPOR DIRI		

Dengan segala hormatnya saya diarahkan merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, Bahagian Pengurusan telah mendapatkan pengesahan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia berhubung pelaksanaan *tagging* bagi Pegawai Perubatan (MO) yang baru melapor diri ke Hospital.

3. Sehubungan itu, adalah dimaklumkan bahawa Pegawai Perubatan (MO) baru yang melakukan *tagging* adalah **TIDAK LAYAK** dibayar Tugas Atas Panggilan sama ada pasif atau aktif. Seseorang Pegawai Perubatan (MO) hanya layak menuntut sekiranya nama pegawai terletak di ruangan Tugas Atas Panggilan.

4. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk memanjangkan perkara ini kepada kakitangan yang berkaitan di bawah seliaan masing-masing bagi memastikan perkara ini dipatuhi **berkuatkuasa** mulai tuntutan bulan Mei 2017.

5. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, boleh menghubungi Puan Izzatul Fardiah Binti Othman (samb. 2907), En Naharudin bin Saadan (samb. 2925), Puan Jamilah Binti Jalil (samb. 2921) dan Puan Hamiza Binti Mohd Salleh (samb. 2943).

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PENYAYANG, BEKERJA BERPASUKAN DAN PROFESIONALISMA ADALAH BUDAYA KERJA KITA"

Saya yang menurut perintah,


(DR. AMAN BIN RABU)